

# Ambil serius isu habitat penyu di Segari

Mingguan Malaysia 5/2/2023 M 5 : 37

**LUMUT:** Semua pihak khususnya agensi kerajaan berkaitan perlu mengambil serius isu pencerobohan Pantai Pasir Panjang di Segari demi kelangsungan habitat penyu dan masa depan nelayan pantai.

Pada masa sama, syarikat yang memiliki tanah di kawasan tersebut harus mematuhi undang-undang sedia ada sebelum dibenarkan beroperasi.

Bercakap kepada Mingguan Malaysia, Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Remis, Wong May Ing berkata, sebarang pembangunan harus diseimbangkan dengan kelestarian alam sekitar.

"Di kawasan Pantai Barat Semenanjung, penyu hanya mendarat di tiga lokasi iaitu di Melaka, Perak dan Pulau Pinang dengan Pantai Pasir Panjang adalah satu-satunya tempat penyu mendarat dan bertelur di negeri ini.

"Selain itu, jarak dari pantai tersebut hingga lima batu nautika ke laut adalah perairan tumpuan nelayan pantai mencari hasil laut kerana banyak sumber marin di kawasan tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini kelmarin mengenai



**AHLI pertubuhan alam sekitar membuat bantahan di hadapan kawasan pengorekan pasir dan penanaman cerucuk kayu di Pantai Pasir Panjang, Segari, Perak, kelmarin. - MINGGUAN/SHAMSUL KAMAL AMARUDIN**

pencerobohan terbaru di pantai tersebut apabila ditemukan kesan pengorekan pasir serta penanaman cerucuk kayu disyaki untuk pembinaan jeti.

Tinjauan tersebut juga hamipr mencetuskan pergaduhan apabila aktivis alam sekitar dan penduduk kampung yang pergi ke lokasi menggunakan jalan darat didakwa menceroboh dan tidak dibenarkan keluar oleh wakil syarikat sebelum rundingan dilakukan dan diselesaikan secara baik.

Menurut May Ing, tinjauan beliau dan aktivis alam sekitar semalam mendapati seolah-olah terdapat aktiviti seperti mahu membina jeti bagi membawa keluar pasir silika dari lokasi tersebut melalui laluan laut.

Pemeriksaan beliau bagaimanapun mendapati syarikat terlibat sehingga kini hanya mendapat kelulusan Kebernaruan Merancang (KM) daripada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) bagi pembinaan kilang keluli yang dicadangkan di situ.